



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
2755, Jalan Sentosa,
86000 Kluang, Johor Darul Ta'zim

Tel : 07-772 2946
Laman Web : www.ppdkluang.edu.my

Rujukan Kami : PPDKLG 600-4/1/23 (6)
Tarikh : 11 Mac 2025

Pengetua dan Guru Besar,
Sekolah-sekolah Daerah Kluang,
(UP: GPK Kokurikulum / Pengurus Pasukan Akuatik Sekolah)

Tuan,

**KEJOHANAN AKUATIK LELAKI DAN PEREMPUAN KATEGORI BAWAH 12, 15 DAN 18
TAHUN MAJLIS SUKAN SEKOLAH DAERAH KLUANG TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan SJKC Lit Terk selaku pengelola kejohanan dan pihak Majlis Sukan Sekolah Daerah (MSSD) Kluang, Pejabat Pendidikan Daerah Kluang akan menganjurkan Kejohanan Akuatik L/P 12, 15 dan 18 tahun yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 09 April 2025 (Rabu)
Tempat : Kolam Renang, Kluang Sport Club, Taman Kluang Barat
Masa : 07:30 pagi hingga 1:00 petang

3. Sebagaimana yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Pengurusan Kejohanan Akuatik pada 04 Mac 2025 di Kluang Sport Club bahawa setiap penyertaan dikenakan bayaran penyertaan sebanyak RM 10.00 setiap acara sebagaimana surat kelulusan kutipan. Semua bayaran penyertaan perlu ditanggung oleh peserta sendiri. Untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan, tiada bayaran pendaftaran dikenakan.

4. Bagi memudahkan urusan sebagaimana persetujuan sebulat suara dalam mesyuarat pengurusan, **bayaran penyertaan hendaklah dibuat bersama dengan borang penyertaan dan borang RO1/MO1 sebelum 14 Mac 2025 (9:30 pagi)**. Bagi tujuan tuntutan perjalanan adalah dibawah tanggungan pihak sekolah.

5. Sebarang pertanyaan sila hubungi Penolong PPD Pembangunan Bakat Murid, En. Mohd Mubin Yazzar Bin Tulos di talian 07-7741103.


Sekian, terima kasih.

"SYNERGY IN EXECUTION - CONQUER THE CHALLENGE"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menandatangani amanah,


(TN. HAJI AYUB BIN IBRAHIM)
Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang

s.k. 1. Pengerusi Teknik MSSD Akuatik
2. Fail